



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2013



DR. Mahathir Mohamad bersama Mohd. Khamil Jamil (kanan) melancarkan pusat jualan, servis dan alat ganti (3S) Lotus Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Lotus dijangka pulih dua tahun lagi

UM-9/1/2013

PETALING JAYA 8 Jan. - Proton Holdings Bhd. (Proton) menyasarkan pelan pemulihan perniagaan anak syarikatnya, Lotus Inc. (Lotus) akan membuahkan hasil dalam tempoh dua tahun lagi.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Mohd. Kamil Jamil berkata, untuk mengubah sesuatu yang sudah lama diamalkan bukannya mudah dan ia memerlukan sedikit masa.

"Proton sudah mengambilalih Lotus sejak 16 tahun lalu dan banyak perkara perlu diperbetulkan dan dengan bantuan Datuk Lukman Ibrahim serta Aslam Fari-kullah, saya yakin pelan pemu-

lihan akan berjaya.

"Saya optimis dengan pelan berkenaan dan menjangkakan dalam tempoh dua tahun lagi Lotus akan pulih daripada kerugian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran pusat jualan, servis dan alat ganti (3S) pertama Lotus di Malaysia bernilai RM7 juta, di sini hari ini.

Pembukaan pusat 3S dengan keluasan 10,520 meter persegi yang terletak di Sungai Penchala berkenaan telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sambil dite-

mani isterinya, Tun Dr. Siti Has-mah Mohamad Ali.

Pada majlis berkenaan juga, Lotus telah melancarkan dua buah model baharunya iaitu Exi-ge S dan Elise S.

Yang turut hadir, Pengerusi DRB-Hicom, Datuk Syed Moha-mad Syed Mortaza, Timbalan Ke-tua Pegawai Eksekutif Proton, Da-tuk Lukman Ibrahim dan Ketua Pegawai Operasi Lotus, Aslam Fa-rikullah.

Mohd Kamil berkata, bagi ta-hun kewangan berakhir Mac 2014, Proton menyasarkan men-jual 3,000 hingga 4,000 buah

Lotus setahun menerusi 140 buah pusat jualan di seluruh dunia.

Katanya, di Malaysia sahaja, pihaknya menjangka mampu menjual 100 hingga 200 buah Lo-tus setahun dan setakat ini telah menerima 20 tempahan.

Sementara itu, Lukman berka-ta, pusat 3S baharu tersebut turut memainkan peranan men-jadi hab Lotus bagi rantau ASEAN dan Oceania.

"Lotus akan menjadikan Ma-laysia sebagai negara keduanya dan pasaran di rantau ini akan disokong oleh hab di negara ini," katanya.

INFO

LOTUS EXIGE S

Enjin : 3.5L DOHC V6 VVT-i, Harrop HTV 1320 Supercaj Eaton TVS, 4 injap per silinder.

Transmisi : Enam kelajuan dengan mod sport

Kuasa maksimum : 345hp @ 7,000rpm

Kilasan maksimum : 400Nm @ 4,500rpm

0-100 km/j : 3.96 saat

Kelajuan maksimum : 274 km/j

Harga : RM452,030 (roadster), RM467,230 (coupe)

LOTUS ELISE S

Enjin : 1.8L DOHC empat silinder, dual VVT-i Valvematic, Magnuson R900 Supercaj Eaton TVS

Transmisi : Enam kelajuan dengan mod sport

Kuasa maksimum : 217hp @ 6,800rpm

Kilasan maksimum : 250Nm @ 4,600rpm

0-100 km/j : 4.6 saat

Kelajuan maksimum : 234 km/j

Harga : RM332,300